

## **Literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah**

### **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa sarjana muda program bukan kewangan. Seramai 114 responden yang terdiri daripada golongan mahasiswa sarjana muda program bukan kewangan di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah telah menyertai kajian ini. Kaedah pengumpulan data kajian adalah melalui borang soal selidik dalam talian. Data yang diperolehi telah dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan Statistical Package of the Social Sciences (SPSS) version 27. Hasil dapatan menunjukkan bahawa mahasiswa sarjana muda program bukan kewangan di FPEP mempunyai tahap literasi kewangan yang sederhana.